

POLARAX TABLET®

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Polarax Tablet
2. Bagaimana Polarax Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Polarax Tablet
4. Cara menggunakan Polarax Tablet
5. Semasa menggunakan Polarax Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Polarax Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Polarax Tablet

Polarax Tablet digunakan merawat simptom alergi rinitis (radang membran mukus dalam hidung) perenial (sepanjang tahun) dan bermusim, rinitis vasomotor (bukan alergi), simptom alergi kulit seperti urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul) dan angioedema (kebengkakan dalam lapisan bawah kulit), pemulihan reaksi alergi terhadap makanan atau plasma dan dermatografisme (kulit menjadi merah dan timbul apabila dikenakan tekanan). Ia juga digunakan sebagai terapi tambahan kepada epinephrine bagi reaksi anafilaksis (reaksi alahan yang teruk)

Bagaimana Polarax Tablet Berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Dexchlorpheniramine Maleate. Ia merupakan antihistamina dengan ciri-ciri antikolinergik. Dexchlorpheniramine Maleate boleh menghasilkan kesan sedatif yang sederhana. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamine) yang badan anda hasilkan semasa reaksi.

Sebelum menggunakan Polarax Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Polarax Tablet jika anda:

- Alah kepada dexchlorpheniramine atau bahan-bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini
- Mempunyai simptom saluran pernafasan bahagian bawah
- Mempunyai episod asma yang akut
- Mempunyai sekatan kencing

Polarax Tablet tidak boleh digunakan pada bayi yang baru lahir atau pra-matang kemungkinan menyebabkan tindak balas yang teruk seperti sawan.

Kehamilan dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda fikir anda mungkin mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan anak. Polarax Tablet harus digunakan pada tersebut hanya apabila jelas diperlukan.

- Sebelum mula menggunakan Polarax Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai :-

- Asma bronkial
- Glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- Kelenjar tiroid terlalu aktif
- Penyakit kardiovaskular (masalah jantung atau saluran darah)
- Tekanan darah tinggi

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat-ubatan yang mungkin berinteraksi dengan Polarax Tablet. Anda harus memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil mana- mana yang berikut:-

- Monoamine oxidase (MAO) inhibitor untuk kemurungan.
- Alkohol, tricyclic antidepressants, barbiturat atau agen depresi sistem saraf pusat yang lain.
- Antikoagulan oral (menghalang proses pembekuan darah).

Cara menggunakan Polarax Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Polarax tablet seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari akan bergantung kepada keadaan anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Dos yang biasa untuk orang dewasa dan kanak-kanak 12 tahun dan ke atas: 1 tablet setiap 4 - 6 jam.

Kanak-kanak 6 hingga 11 tahun: Setengah tablet setiap 4-6 jam.

Kanak-kanak 2-5 tahun: Suku tablet setiap 4 - 6 jam.

- Bila perlu digunakan

Semua dos ubat harus diambil selepas makan. Telan tablet dengan sedikit air

-Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan kera-cunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan yang berlebihan boleh menyebabkan kesan sedasi, apnea (pernafasan yang terhenti buat sementara waktu), kesukaran untuk tidur, halusinasi, gegaran, sawan, pening, bunyi berdering dalam telinga, penglihatan kabur, mulut kering, anak mata mengembang serta simptom gastrousus.

Semasa menggunakan Polarax Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Polarax Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Polarax Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Polarax Tablet terhadap anda.

Dexchlorpheniramine maleate boleh menyebabkan kesan mengantuk.

- Nombor MAL

- MAL19950543A
- MAL19861208A

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah berbeza-beza daripada mengantuk sedikit kepada tidur dan termasuk ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian, keletihan, pening, tekanan darah rendah, kelemahan otot dan ketakselarasan. Kesan sampingan yang lain termasuk rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit, kembung perut dan sakit epigastrik, sakit kepala, penglihatan kabur, sukar kencing, kekeringan mulut, sesak dada, berat dan kelemahan tangan, bunyi berdering dalam telinga, tiada selera makan dan mimpi buruk.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami gejala-gejala lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers→ Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Polarax Tablet

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bujur, merah, tablet cembung standard dengan skor tunggal pada sebelah sahaja.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Dexchlorpheniramine Maleate

- Bahan- bahan tidak aktif

- Magnesium stearate
- Starch
- Lactose
- Cochineal Red lake E124

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

11/09/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)090915/00311